

Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

BAHAGIAN A
(20 MARKAH)

Jawab **semua** soalan
Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30 minit**

Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **bulatkan** jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1.

Paksi utama keimanan ialah kalimah syahadah

Pernyataan di atas merujuk kepada konsep _____

- A. Uluhiyyah
- B. Syumuliyah
- C. Rabbaniyyah
- D. Rububiyah

2. Ayat pertama yang diturunkan oleh malaikat Jibril kepada nabi Muhammad s.a.w. adalah mengenai _____

- A. Kesatuan akidah
- B. Kepentingan ilmu
- C. Kepentingan akhlak
- D. Kehidupan masyarakat

3. Orang yang tidak mahu menggunakan akal diibaratkan oleh Allah s.w.t. sebagai _____

- A. Haiwan liar
- B. Manusia keji
- C. Manusia jahil
- D. Binatang ternakan

4. Berikut adalah ujian Allah s.w.t. kepada pemilik harta, **KECUALI**

- A. Hidup tidak tenteram
- B. Mendapat keberkatan hidup
- C. Berlaku kemelesetan ekonomi
- D. Harta musnah dalam kebakaran

5. Tolong-menolong dan bekerjasama dalam perkara-perkara yang membawa kebaikan

Pernyataan di atas menerangkan konsep _____

- A. Al-Iftitah
- B. Al-Ijarah
- C. Al-Takaful
- D. Al-Ta'awun

6. Penceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar ganti rugi kepada suami

Pernyataan di atas menerangkan tentang _____

- A. Talak
- B. Fasakh
- C. Khuluk'
- D. Nusyuz

7. Antara berikut yang manakah termasuk dalam ibadat khusus

- A. Sedekah
- B. Wasiat
- C. Wakaf
- D. Zakat

8. Manakah antara berikut **bukan** kepentingan hak milik

- A. Menguasai harta sepenuhnya
- B. Menggunakan harta sesuka hati
- C. Mendorong manusia supaya rajin berusaha
- D. Menggunakan harta tanpa perlu mendapat keizinan

9. Fahaman yang memisahkan nilai agama dengan kehidupan

Pernyataan di atas menerangkan pengertian _____

- A. Sosialisme
- B. Liberalisme
- C. Sekularisme
- D. Komunisme

10. Tujuan utama penciptaan manusia adalah untuk _____

- A. Merekacipta sesuatu
- B. Beribadat kepada Allah s.w.t.
- C. Mencapai keredaan Allah s.w.t.
- D. Kebahagiaan hidup dunia dan akhirat

Soalan 11 hingga 13, jawapan berdasarkan jadual:

A	B	C	D
Liwat	Zina	Rogol	Lesbian

11. Mengadakan hubungan seks sesama perempuan.
12. Melakukan hubungan seks sesama lelaki.
13. Melakukan persetubuhan tanpa ikatan perkahwinan antara lelaki dan perempuan.
14. Hukum bekerja secara halal ialah
 - A. Wajib
 - B. Sunat
 - C. Harus
 - D. Makruh
15. Di antara berikut yang manakah padanan yang **BENAR**

	Nama Nabi	Jumlah Suhuf
i.	Ibrahim	10
ii.	Musa	10
iii.	Idris	50
iv.	Syis	30

- A. i dan ii
 - B. i dan iv
 - C. ii dan iii
 - D. i dan iv
16. Mengapakah wujud golongan yang menolak agama ?
 - i. Dorongan nafsu
 - ii. Mendewakan akal
 - iii. Menerima hakikat kebenaran
 - iv. Terikat dengan pantang larang
 - A. i dan ii
 - B. i dan iv
 - C. ii dan iii
 - D. i dan iv
 17. Yang manakah di antara pernyataan berikut menerangkan ciri-ciri agama samawi
 - i. Bersifat sementara
 - ii. Bersifat kekal dan lengkap
 - iii. Konsep ketuhanannya jelas
 - iv. Disampaikan oleh para rasul
 - A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv

18. Sum'ah ialah _____
- i. Menceritakan kebaikan yang dilakukannya kepada orang lain
 - ii. Bermegah-megah dengan kesenangan hidup
 - iii. Memperkecilkan kebolehan orang lain
 - iv. Bertujuan untuk mendapat pujian
- A. i dan ii.
 - B. ii dan iii.
 - C. iii dan iv.
 - D. i dan iv.
19. Antara berikut yang manakah menerangkan keistimewaan al-Quran
- i. Tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab
 - ii. Sebagai sumber ilmu pengetahuan
 - iii. Hanya sesuai untuk bangsa Arab
 - iv. Ditulis dalam bahasa Arab
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv
20. Cara yang boleh dilakukan untuk memiliki sifat Rabbaniyah ialah _____
- i. Berilmu dan yakin dengan segala rukun iman
 - ii. Bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh
 - iii. Berakhlak dengan akhlak mulia dan terpuji
 - iv. Berjihad untuk memenuhi nafsu
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv

BAHAGIAN B


(20 Markah)

Jawab **semua** soalanMasa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**

		<i>Untuk kegunaan pemeriksa</i>
1.	Berikut ialah pernyataan tentang ibadat. Tuliskan jawapan yang bersesuaian di dalam ruangan yang disediakan.	
a.	Golongan kaya diwajibkan menolong golongan yang kurang bernasib baik dari segi kebendaan.	2
b.	Memohon pertolongan daripada Allah s.w.t.	2
c.	Ganjaran yang diperolehi apabila melakukan ibadat kepada Allah s.w.t.	2
		6
2.	Lengkapkan pernyataan berikut : -	
a.	Para rasul memiliki sifat yang terpelihara daripada dosa	1
b. bermaksud melakukan ibadat ikhlas kerana Allah s.w.t.	1
c.	Lawan kepada akal ialah	1
d. ialah bangsa atau negara yang menjajah negara lain	1
		4

3. Carta di bawah berkaitan golongan yang tidak layak menguruskan harta.

Untuk kegunaan pemeriksa



a. Namakan golongan X dan Y :

i. X :

1

ii. Y :

1

b. Nyatakan **dua** sebab golongan di atas tidak layak menguruskan harta.

i.

1

ii.

1

	4
--	---

4. Tandakan samada pernyataan berikut **benar** ATAU **salah** dengan menandakan (✓) pada kotak berkenaan.

*Untuk
kegunaan
pemeriksa*

	BENAR	SALAH	
a. Wahyu diturunkan dari Baitul Izzah ke Luh Mahfuz seterusnya kepada Nabi Muhammad s.a.w.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
b. Allah s.w.t. merahsiakan perkara ghaib untuk menguji keimanan manusia.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
c. Hadis sahih ialah hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah s.a.w.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
d. Sistem muamalat Islam ialah peraturan yang berkaitan tentang perhubungan sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing berdasarkan syariat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
e. Fasakh ialah pembatalan ikatan perkahwinan menurut keputusan kadi di sebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi pada masa akad nikah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
f. Hukum sunat ialah perkara yang digalakkan untuk dilakukan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
			6

BAHAGIAN
B

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

KERTAS JAWAPAN**Bahagian A**

1 A B C D

2 A B C D

3 A B C D

4 A B C D

5 A B C D

6 A B C D

7 A B C D

8 A B C D

9 A B C D

10 A B C D

11 A B C D

12 A B C D

13 A B C D

14 A B C D

15 A B C D

16 A B C D

17 A B C D

18 A B C D

19 A B C D

20 A B C D

BAHAGIAN A

**KERTAS 2
(100 MARKAH)**

Jawab Lima soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. Al Quran diturunkan untuk sebagai panduan hidup manusia
 - (i) Apakah yang dimaksudkan dengan al-Quran [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **tiga** sebab wahyu tidak diturunkan lagi selepas al-Quran. [6 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** cara penurunan al-Quran kepada nabi Muhammad s.a.w. [4 markah]
- b.
 - (i) Jelaskan maksud Rububiyah dan Uluhiyyah. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara Tauhid Rububiyah dan Tauhid Uluhiyyah. [4 markah]
2. a. Murunah dan Thabat adalah ciri pandangan hidup Islam.
 - (i) Terangkan **dua** kaitan antara Thabat dengan Murunah dalam ibadah. [4 markah]
 - (ii) Huraikan **dua** sifat toleransi dalam Islam yang dapat menarik minat orang bukan Islam menganut agama Islam. [4 markah]
- b. Setiap umat Islam wajib berpegang teguh dengan ajaran agama.
 - (i) Nyatakan **dua** ciri orang yang berpegang teguh dengan ajaran agama. [4 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** peranan agama dalam membina tamadun manusia. [4 markah]
 - (iii) Syirik adalah salah satu dosa besar.
Jelas **dua** contoh amalan syirik . [4 markah]

3. a. Ibadat yang dilakukan oleh seseorang mestilah berdasarkan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.
- (i) Jelaskan **tiga** kesan ibadat yang dilakukan tanpa syariat. [6 markah]
 - (ii) Berikan **dua** contoh ibadat yang dilakukan tanpa syariat. [4 markah]
- b. Firman Allah s.w.t yang bermaksud
" Dan tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat"
- (i) Terangkan **dua** tujuan ibadat dalam Islam [4 markah]
 - (ii) Apakah maksud Ihsan dalam melakukan ibadat [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** ciri kesempurnaan ibadat dalam Islam [4 markah]
4. a. Harta yang diperolehi mestilah diuruskan dengan betul.
- (i) Terangkan **dua** cara menguruskan harta menurut Islam. [4 markah]
 - (ii) Huraikan **tiga** cara bersyukur kerana memiliki harta. [6 markah]
- b. (i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** perbezaan antara bekerja sendiri dan makan gaji. [6 markah]
5. a. Perundangan Islam lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- (i) Jelaskan keperluan perundangan Islam kepada masyarakat. [4 markah]
 - (ii) Bilakah al-Qias boleh digunakan sebagai sumber perundangan Islam. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **tiga** cara mencapai matlamat perundangan Islam. [6 markah]

- c. Islam menetapkan hukum-hukum tertentu sebagai panduan dalam melakukan ibadat.
- (i) Terangkan maksud hukum harus. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara hukum harus dan sunat. [4 markah]
6. a. Keluarga merupakan sebuah institusi penting.
- (i) Huraikan tanggungjawab anak dalam membentuk keluarga bahagia. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** langkah untuk menangani masalah remaja lari dari rumah. [4 markah]
- b. Perbuatan khurafat boleh menjejaskan kesucian akidah umat Islam.
- (i) Terangkan maksud Khurafat beserta contoh. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** peranan individu dalam memelihara akidah. [4 markah]
- c. Doa merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam.
Nyatakan **dua** kesan doa kepada peribadi seseorang. [4 markah]
7. a. Penyelesaian masalah secara Islam menjamin kesejahteraan umat.
- (i) Nyatakan **empat** cara penyelesaian masalah secara Islam. [4 markah]
- (ii) Terangkan dua langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah. [4 markah]
- b. Perpecahan menjadi punca utama kelemahan umat Islam di dunia ini.
- (i) Jelaskan **dua** punca berlakunya perpecahan tersebut. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara menangani masalah tersebut. [4 markah]
- (iii) Nyatakan peranan anda untuk memupuk perpaduan kaum di sekolah. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN SET 6 KERTAS 1**BAHAGIAN A**

- | | |
|--------|--------|
| 1 . D | 11 . C |
| 2 . A | 12 . B |
| 3 . B | 13 . D |
| 4 . B | 14 . C |
| 5 . A | 15 . D |
| 6 . C | 16 . C |
| 7 . C | 17 . B |
| 8 . C | 18 . A |
| 9 . D | 19 . C |
| 10 . D | 20 . D |

BAHAGIAN B

- 1 a al-Quran
b Tasamuh
c Jihad
- 2 a Memulihara
b Berdidiplin
c Ikhlas
d Alaqah
- 3 a al-Quran
b - Sesuai diamalkan
- Lengkap
- Diberi kepada para rasul
- Kekal / Tiada perubahan
(Mana-mana ciri yang betul diterima)
- 4 a Benar
b Salah
c Salah
d Salah
e Benar
f Benar

SKEMA KERTAS 2

No. Soalan	Jawapan	Markah						
1. a (i)	Maksud al-Quran ialah Kalam Allah s.w.t. yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. melalui malaikat Jibril untuk diamalkan dan disampaikan kepada umat manusia.	1 isi X 2M (2 markah)						
(ii)	Sebab wahyu tidak diturunkan lagi: - Al-Quran lengkap dan sempurna - Al-Quran kitab suci yang terakhir - Nabi Muhammad s.a.w. Rasul terakhir - al-Quran dijamin terpelihara sehingga hari kiamat	3 isi X 2M (6 markah)						
(iii)	Cara penurunan al-Quran: - Rasulullah mendengar bunyi seperti deringan loceng - Malaikat Jibril datang menyerupai manusia - Allah s.w.t. berkata-kata dengan Rasulullah s.a.w. melalui cara yang difahami oleh baginda seperti peristiwa Israk dan Mikraj	2 isi X 2M (4 markah)						
b. (i)	- Maksud Rububiyah ialah keyakinan (iktikad) dalam hati secara mutlak bahawa Allah s.w.t. yang mentadbirkan semua benda dan perkara di dunia. - Maksud Uluhiyyah ialah mengakui hanya Allah s.w.t. yang Esa yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi secara mutlak.	2 isi X 2M (4 markah)						
(ii)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th data-bbox="423 1188 802 1220" style="width: 50%;">Tauhid Rububiyah</th> <th data-bbox="802 1188 1179 1220" style="width: 50%;">Tauhid Uluhiyyah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="423 1220 802 1325">- Keyakinan dalam hati secara mutlak Allah pentadbir alam.</td> <td data-bbox="802 1220 1179 1325">- Keyakinan dalam hati bahawa Allah yang Esa yang layak disembah dan dipatuhi.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="423 1325 802 1430">- Diimani / dipercayai oleh semua manusia.</td> <td data-bbox="802 1325 1179 1430">- Dipercayai / dimani oleh orang Islam</td> </tr> </tbody> </table>	Tauhid Rububiyah	Tauhid Uluhiyyah	- Keyakinan dalam hati secara mutlak Allah pentadbir alam.	- Keyakinan dalam hati bahawa Allah yang Esa yang layak disembah dan dipatuhi.	- Diimani / dipercayai oleh semua manusia.	- Dipercayai / dimani oleh orang Islam	2 isi X 2M (4 markah)
Tauhid Rububiyah	Tauhid Uluhiyyah							
- Keyakinan dalam hati secara mutlak Allah pentadbir alam.	- Keyakinan dalam hati bahawa Allah yang Esa yang layak disembah dan dipatuhi.							
- Diimani / dipercayai oleh semua manusia.	- Dipercayai / dimani oleh orang Islam							
2. a. (i)	Perkaitan antara Thabat dengan Murunah: - Hukum solat adalah wajib (Thabat) tetapi pelaksanaannya mengikut keadaan seseorang (Murunah) seperti solat ketika sakit. - Hukum puasa adalah wajib (Thabat) tetapi boleh ditinggalkan jika sakit (Murunah) - Hukum haji adalah wajib (Thabat) tetapi hanya kepada yang berkemampuan sahaja (Murunah) - Hukum zakat harta adalah wajib (Thabat) tetapi hanya untuk orang yang cukup syarat sahaja.	2 isi X 2M (4 markah)						

No. Soalan	Jawapan	Markah
(ii)	Toleransi dalam Islam - Islam memudahkan dan tidak menyusahkan - Tiada paksaan dalam memeluk Islam - Islam tidak membebankan penganutnya	2 isi X 2M (4 markah)
b. (i)	Ciri orang yang berpegang teguh dengan Islam - Reda dengan ketentuan Allah s.w.t. - Melakukan sesuatu dengan ikhlas - Berakhlak mulia - Mensyukuri nikmat Allah s.w.t. - Jiwa yang mantap dan teguh	4 isi X 1M (4 markah)
(ii)	Peranan agama dalam membina tamadun: - Menuntut umatnya beramal dan berusaha - Mewajibkan umatnya menuntut ilmu pengetahuan - Menghendaki umat Islam berfikir secara kreatif dan inovatif - Mengatur peradaban dan akhlak manusia	2 isi X 2M (4 markah)
(iii)	- Menyembah berhala - Percaya kepada tangkal - Memuja keramat (kubur) - Pendewaan kepada pemimpin	2 isi X 2 (4 markah)
3. a. (i)	Kesan ibadat tanpa syariat: - Merosakkan ibadat / Membatalkan ibadat - Ibadat menjadi sia-sia / tiada pahala - Tidak mendapat keredaan Allah s.w.t. - Dimurkai Allah s.w.t. / berdosa - Jiwa tidak tenteram / tiada ketenangan	3 isi X 2M (6 markah)
(ii)	Contoh ibadat tanpa syariat: - Solat yang tidak sempurna / meninggalkan salah satu rukun solat. - Berdoa yang dilakukan di kubur yang dianggap keramat - Berpuasa pada hari yang diharamkan	2 isi X 2M (4 markah)
b. (i)	Tujuan ibadat dalam Islam - Untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. - Menambah keimanan dan ketakwaan - Menyempurnakan perintah Allah s.w.t. - Latihan rohani dan jasmani - Mendapat pahala dan keredaan Allah s.w.t.	2 isi X 2M (4 markah)
(ii)	Maksud ihsan: Melakukan ibadat dengan betul dan sempurna syarat dan rukunnya.	1 isi X 2 (2 markah)

No. Soalan	Jawapan	Markah				
(iii)	Ciri kesempurnaan ibadat dalam Islam - Niat kerana Allah s.w.t. - Memenuhi tuntutan kerana Allah s.w.t. - Memenuhi peraturan dalam ibadat - Ihsan dalam melakukan ibadat	2 isi X 2M (4 markah)				
4. a. (i)	Cara menguruskan harta menurut Islam: - Menunaikan hak yang wajib terhadap harta / berzakat - Memanfaatkan harta untuk kepentingan orang ramai / membina kemudahan awam - Melaksanakan tanggungjawab sosial / sedekah / derma - Membelanjakan harta dengan berhemat dan tidak membazir	2 isi X 2M (4 markah)				
(ii)	Cara bersyukur kerana memiliki harta: - Mengeluarkan zakat / menunaikan haji - Membelanjakan harta tanpa boros - membantu golongan miskin - membina kemudahan asas	3 isi X 2M (6 markah)				
b. (i)	Ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam: - Pekerjaan yang halal / tidak melanggar peraturan syarak - Pekerjaan yang tidak mengganggu kepentingan awam - Pekerjaan yang tidak melalaikan diri daripada beribadat kepada Allah s.w.t. - Pekerjaan yang tidak membahayakan diri dan orang ramai	2 isi X 2M (4 markah)				
(ii)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Bekerja sendiri</th> <th style="width: 50%;">Makan gaji</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> - Waktu rehat dan cuti tidak menentu - Tidak terikat dengan waktu dan tempat - Pendapatan tidak menentu - Produktiviti dipikul / dihasilkan sendiri - Risiko untung rugi ditanggung sendiri </td> <td style="vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> - Dapat merancang waktu cuti dan rehat - Terikat dengan masa tertentu - Pendapatan tetap - Produktiviti dihasilkan secara bersama - Risiko untung rugi ditanggung bersama </td> </tr> </tbody> </table>	Bekerja sendiri	Makan gaji	<ul style="list-style-type: none"> - Waktu rehat dan cuti tidak menentu - Tidak terikat dengan waktu dan tempat - Pendapatan tidak menentu - Produktiviti dipikul / dihasilkan sendiri - Risiko untung rugi ditanggung sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapat merancang waktu cuti dan rehat - Terikat dengan masa tertentu - Pendapatan tetap - Produktiviti dihasilkan secara bersama - Risiko untung rugi ditanggung bersama 	3 isi X 2M (6 markah)
Bekerja sendiri	Makan gaji					
<ul style="list-style-type: none"> - Waktu rehat dan cuti tidak menentu - Tidak terikat dengan waktu dan tempat - Pendapatan tidak menentu - Produktiviti dipikul / dihasilkan sendiri - Risiko untung rugi ditanggung sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapat merancang waktu cuti dan rehat - Terikat dengan masa tertentu - Pendapatan tetap - Produktiviti dihasilkan secara bersama - Risiko untung rugi ditanggung bersama 					
5. a. (i)	Keperluan perundangan Islam: - Untuk mengurangkan kadar jenayah - Supaya bebas melakukan aktiviti seharian - Untuk memelihara harta dan nyawa - Untuk memelihara maruah dan keturunan	2 isi X 2M (4 markah)				

No. Soalan	Jawapan	Markah								
(ii)	Qias boleh digunakan apabila <ul style="list-style-type: none"> - Timbul satu masalah baru yang tidak dihuraikan dalam al-Quran dan hadis. - Ada persamaan illat dengan hukum yang telah dijelaskan oleh al-Quran dan hadis 	2 isi X 2M (4 markah)								
b.	Cara mencapai matlamat perundangan Islam: <ul style="list-style-type: none"> - Berpegang teguh dengan peraturan Allah s.w.t. - Bertindak mengikut ajaran Islam - Mengamalkan cara hidup Islam - Melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan - Berfikir, mengkaji serta mengakui ajaran Islam 	2 isi X 2M (4 markah)								
c. (i)	Maksud harus Perkara yang diberi kebebasan kepada seseorang untuk memilih sama ada melakukan atau meninggalkannya.	1 isi X 2M (2 markah)								
(ii)	Perbezaan hukum harus dan sunat: <table border="1" data-bbox="423 884 1179 1220" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Hukum harus</th> <th style="width: 50%;">Hukum sunat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Diberi kebebasan kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkan</td> <td>- Perkara yang digalakkan oleh agama untuk melakukannya</td> </tr> <tr> <td>- Tiada sebarang ganjaran</td> <td>- Diberi ganjaran pahala jika melakukannya</td> </tr> <tr> <td>- Memberi kemudahan dan kelonggaran kepada umat Islam</td> <td>- Memberi peluang untuk menambahkan pahala</td> </tr> </tbody> </table>	Hukum harus	Hukum sunat	- Diberi kebebasan kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkan	- Perkara yang digalakkan oleh agama untuk melakukannya	- Tiada sebarang ganjaran	- Diberi ganjaran pahala jika melakukannya	- Memberi kemudahan dan kelonggaran kepada umat Islam	- Memberi peluang untuk menambahkan pahala	2 isi X 2M (4 markah)
Hukum harus	Hukum sunat									
- Diberi kebebasan kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkan	- Perkara yang digalakkan oleh agama untuk melakukannya									
- Tiada sebarang ganjaran	- Diberi ganjaran pahala jika melakukannya									
- Memberi kemudahan dan kelonggaran kepada umat Islam	- Memberi peluang untuk menambahkan pahala									
6. a. (i)	Tanggungjawab anak membentuk keluarga bahagia <ul style="list-style-type: none"> - Taat / patuh kepada kedua ibu bapa - Saling hormat menghormati - Menjaga maruah keluarga / berakhlak mulia - Menjauhi perbuatan mungkar - Belajar bersungguh-sungguh 	2 isi X 2M (4 markah)								
(ii)	Langkah untuk menangani masalah remaja lari dari rumah: <ul style="list-style-type: none"> - Memberi kasih sayang - Memberi didikan agama - Mengambil berat segala kegiatan mereka - Mewujudkan persekitaran yang sihat di rumah / keharmonian - Mengadakan kempen kesedaran / motivasi kepentingan institusi keluarga 	2 isi X 2M (4 markah)								

No. Soalan	Jawapan	Markah
b. (i)	Khurafat ialah kepercayaan atau perbuatan karut yang bercanggah dengan ajaran Islam Contoh Khurafat: - Mandi safar - Percaya kepada bunyi burung hantu membawa sial - Memuja pantai - Memuja keramat (Catatan : Erti 2 markah dan 1 contoh 2 markah)	2 isi X 2M (4 markah)
(i)	Peranan individu dalam memelihara akidah - Mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. - Mengamalkan cara hidup Islam sepenuhnya - Mempelajari dan mendalami ilmu - Menjauhi perkara maksiat - Berakhlak mulia	2 isi X 2M (4 markah)
c.	Kesan doa ke atas peribadi seseorang: - Manusia sedar bahawa dirinya lemah - Mengakui kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t. - Menghindarkan sifat sombong dan riak - Dapat mendekatkan diri kepada Allah	2 isi X 2M (4 markah)
7. a. (i)	Cara penyelesaian masalah secara Islam - Melalui al-Quran - Melalui al-Hadis - Melalui tindakan pemerintah - Melalui nasihat yang bijaksana - Melalui dakwah - Melalui pendidikan	2 isi X 2M (4 markah)
(ii)	Langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah - Mengenalpasti setiap masalah yang berlaku - Mengenalpasti punca masalah - Mengenalpasti kaedah / strategi - Menguji dan mengaplikasi kaedah - Penilaian semula	2 isi X 2M (4 markah)
b. (i)	Punca berlakunya perpecahan: - Sifat taasub terhadap kaum - Dengki dan irihati - Fitnah / khianat - mementingkan diri sendiri	2 isi X 2M (4 markah)
(ii)	Cara menangani perpecahan: - Beri penekanan kepada pendidikan Islam - Memberi kesedaran / kempen melalui media - Mengadakan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong - Mematuhi segala peraturan / undang-undang	2 isi X 2 = 4 markah

No. Soalan	Jawapan	Markah
(iii)	Peranan murid untuk memupuk perpaduan kaum di sekolah: - Tolong menolong - Mengadakan aktiviti seperti gotong royong - Saling hormat menghormati - Menerapkan nilai-nilai murni / contoh teladan yang baik	2 isi X 2 = 4 markah

SKEMA TAMAT

CATATAN

